

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI**  
**[ HULU SELANGOR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan maklumat secara terperinci berkenaan jumlah tenaga pakar tempatan di luar negara yang berjaya dibawa kembali bekerja di Malaysia mengikut sektor dan senaraikan faktor pendorong yang menyebabkan mereka lebih berminat bekerja di luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Talent Corporation (TalentCorp) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberi mandat untuk menerajui Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Programme (REP)* bagi memudahcara kepulangan tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara.
2. Sebanyak 5,137 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini dari tahun 2011 sehingga April 2019, Peningkatan permohonan kembali ke tanahair melalui REP juga meningkat sebanyak 20 peratus pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya.

## SOALAN NO : 93

3. Antara Sektor Industri Teratas bagi kelulusan REP ialah:
- Minyak, Gas dan Tenaga;
  - Perkhidmatan Kewangan;
  - Perkhidmatan Perniagaan;
  - Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur;
  - Perubatan.
4. Manakala Negara Teratas bagi kelulusan REP seperti berikut:
- Singapura;
  - China;
  - Arab Saudi;
  - United Arab Emirates (UAE);
  - England.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Melalui inisiatif REP yang ditawarkan kepada warga Malaysia yang bekerja di luar negara, ianya diharap akan menggalakkan lebih ramai pakar-pakar berkemahiran tinggi untuk menyumbang tenaga dengan kembali berkhidmat di Malaysia. Ia juga akan dapat merapatkan jurang kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara di samping mengurangkan kebergantungan industri kepada ekspatriat dan pekerja asing.